

Muhammad Ali pertaruh pengalaman di Titiwangsa

PETINJU Attitude Muay Gym, Muhammad Ali Yaakub memper-taruhkan pengalaman apabila membuka gelanggang King of The Ring Kejohanan JWP-DBKL Kuda Merah Muay Thai Challenge 2024 di Stadium Titiwangsa pada Ahad.

Muhammad Ali yang akan ber-depan Petsa-Ngoan dari Kelab Rawan A Yala Thailand percaya pengalaman berdepan petinju luar negara dari Thailand, Rusia dan Korea Selatan akan membantunya berdepan lawannya itu.

“Insya-ALLAH, saya akan memberikan aksi terbaik demi

Malaysia selepas me-lakukan persiapan rapi. Ini penampilan pertama saya tahun 2024 se-lepas berehat panjang sebelum ini.

“Petsa-Ngoan bu-kan petinju sebarangan yang hadir dengan re-putasi tersendiri pasti-nya akan memberikan tentangan sengit.

“Biarpun begitu saya percaya masing-masing mempunyai kekuatan tersendiri,” katanya yang menyifatkan petinju



MUHAMMAD ALI

Muay Thai dari Rusia merupakan antara pe-tarung paling men-cabar sepanjang ber-kecimpung dalam sukan tempur itu.

Kejohanan edisi ke-73 anjuran Kelab Muaythai Kuda Merah Kuala Lumpur adalah dengan kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan.